

PANDUAN PERMOHONAN PROJEK PERTANIAN BANDAR DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

Pelaksanaan Projek Pertanian Bandar bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup penduduk bandar dan pinggir bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19, mewujudkan interaksi sosial dan menggalakkan komunikasi di kalangan komuniti bandar serta membantu dalam menjamin keselamatan makanan.

Kaedah permohonan

Pemohon boleh mengisi Borang Permohonan Projek Pertanian Bandar yang boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Pertanian (<http://www.doa.gov.my>) atau hadir ke Pejabat Pertanian Daerah yang berdekatan.

Kelayakan Permohonan

- a. Permohonan terbuka kepada warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas dan terhad kepada satu permohonan sahaja
- b. Berminat untuk melaksanakan projek pertanian
- c. Bersedia memberi komitmen sepenuhnya kepada pelaksanaan projek pertanian.
 - i. Kategori Komuniti
Projek dilaksana di sekitar kediaman secara berkumpulan dengan bilangan minima 10 orang peserta
 - ii. Kategori Individu
Projek dilaksanakan secara individu di kawasan kediaman masing-masing.

Bentuk bantuan/insentif

Insentif one-off berbentuk input pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal.

Tempoh permohonan dan kelulusan

Permohonan telah dibuka sehingga **31 Julai 2020**. Selepas permohonan lengkap diterima, Pegawai Jabatan Pertanian akan melawat kawasan projek untuk menentukan kategori projek, kesesuaian tapak dan jenis bantuan/insentif.

Pertanyaan lanjut hubungi Pejabat Pertanian Daerah berdekatan atau:

**BAHAGIAN PERTANIAN BANDAR
ARAS 12, WISMA TANI, LOT 4G2
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA
Phone : 03-8870 3212 / Fax : 03-8870 3282
Email : bandar@doa.gov.my
Laman sesawang : <http://www.doa.gov.my>**

CARTA ALIR PROJEK PERTANIAN BANDAR

